

BERJASA: YANG MENYELEWENG AKAN DIPECAT

Tindakan tegas akan diambil —
Mohamad Nasir

KUALA LUMPUR, Khamis.—

YANG Dipertua Agung BERJASA, Datuk Haji Mohamad Nasir menegaskan, beliau akan mengambil tindakan tegas termasuk memecat anggota parti yang menyeleweng dan menikam parti dari belakang.

Beliau berkata, Jemaah Agung parti akan menakan sidang bulan depan untuk mengkaji laporan-laporan yang diterima mengenai ahli-ahli parti yang menyeleweng.

Difahamkan lebih dari 10 orang tokoh BERJASA akan diambil tindakan, jika Datuk Haji Mohamad bertindak tegas terhadap anggota parti yang menyokong parti pembangkang semasa pilihanraya umum lalu.

Berikutan dengan sikap yang diambil oleh tokoh-tokoh BERJASA itu, BERJASA telah mengalami kekalahan teruk dan hanya dapat mempertahankan empat kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan dari sepuluh yang dipertandingkan.

Datuk Haji Mohamad menegaskan, beliau juga akan mengambil tindakan memecat Timbalan Pengerusi BERJASA Kelantan, Encik Ismail Abdullah kerana mengkritik pemimpin parti secara terbuka dan tidak mengikut saluran parti.


Beliau menegaskan, tindakan tegas parti itu terhadap anggota parti bukan merupakan satu aman kuku besi tetapi bagi menastikan disiplin parti di hormati.

Katanya, bagaimana boleh kita membiarkan anggota parti bertindak merugikan parti dan perbuatan ini jika dibiarkan sudah tentu akan merosakkan parti pada masa depan.

Beliau mengambil contoh bagaimana dua orang tokoh BERJASA, Encik Ibrahim Ali dan Encik Abdul Rahman Salleh bertindak merugikan parti dan akhirnya dengan sendiri keluar parti.

"Mereka tahu jika mereka terus berada dalam parti mereka sudah tentu akan dipecat kerana bertindak merugikan parti," tegas beliau.

Datuk Haji Mohamad menerangkan, senarai-senarai mereka yang akan diambil tindakan disiplin sedang di proses sekarang.



PM takjub melihat rekaan sains

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (tengah) takjub melihat ciptaan sains bagaimana elektrik disalurkan ke rumah-rumah dan kawasan perindustrian yang turut dipamerkan dalam Pameran Sains 1982 di Muzium Negara Kuala Lumpur, semalam.

Gambar-Berita Harian oleh Yusof Omar.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia